

BULETIN IGF

INFO GLOBAL FAMA



Bil. 3 / Edisi Jan - Jun 2017 / www.fama.gov.my



SAJIAN UNTUK UMMAH RINTIS PASARAN ARAB SAUDI

Ms 4



**STEVIA ANGKAT
KEJAYAAN
TAHARAH GROUP
KE PERSADA
DUNIA**
Ms 5



**MOU DUA
NEGARA BANTU
PASARAN
JENAMA
AGROMAS DI
INDONESIA**
Ms 12



**BAKAL KAUT RM10
JUTA SERTAI
GULFOOD DUBAI
2017**
Ms 15



**PEKAN PRIME
SATUKAN
USAHAWAN
NIKMATI
KESELESAAN**
Ms 21

PERUTUSAN KHAS

Perutusan Pengerusi FAMA



**Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh
dan Salam Sejahtera**

Saya mengucapkan tahniah dan syabas kepada Bahagian Pasaran Antarabangsa diatas penerbitan Buletin Info Global FAMA (IGF) edisi yang ketiga ini. Saya menyokong penerbitan Buletin ini sebagai platform FAMA untuk berkongsi maklumat dan informasi berkaitan pelbagai program antarabangsa yang akan dijalankan sepanjang tahun 2017.

Sepanjang tahun 2017, pelbagai program dan aktiviti akan dilaksanakan oleh FAMA seiring dengan misi untuk membangunkan rantaian pemasaran makanan dengan hasil pertanian yang berkualiti tinggi bagi meningkatkan nilai kepada pelanggan terutama produk pertanian dan agro makanan keluaran tempatan meneroka pasaran di peringkat antarabangsa.

Selaras dengan dasar terbaru kerajaan, Transformasi Nasional 50 atau TN50, FAMA menyahut cabaran ini dengan mengaturkan pelbagai program yang melibatkan generasi muda sebagai generasi yang akan mendukung industri ini di masa akan datang.

Golongan muda ini akan terus dibantu dan apabila sudah bersedia, akan dilihat secara aktif dalam program-program FAMA termasuk di peringkat antarabangsa. Saya percaya kejayaan usahawan yang mengikuti program luar negara FAMA dan dikongsi menerusi buletin ini akan menjadi pemungkin bagi menggalakkan usahawan lain terutama usahawan muda untuk terus berusaha bagi mencapai kejayaan serupa.

Akhir kata, saya sekali lagi mengucapkan tahniah dan syabas kepada Bahagian Pasaran Antarabangsa atas penerbitan Buletin IGF edisi yang ketiga ini dengan harapan FAMA dapat terus mempergiat usaha mencapai sasaran bagi meningkatkan mutu pemasaran makanan dan hasil pertanian yang cekap kepada pelanggan di peringkat tempatan dan antarabangsa.

Sekian terima kasih.

**'FAMA DIHATI RAKYAT'
'FAMA KEPADA TN50'**

TAN SRI DATO PADUKA HAJI BADRUDDIN BIN AMIRULDIN

PSM, DHMS, DSDK, PJK, BKM, JP

Pengerusi

Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA)

Daftar Isi

2 PERUTUSAN KHAS

- Perutusan Pengerusi FAMA
- Bicara Ketua Pengarah FAMA

3 SEKAPUR SIREH

- Sekapur Sireh
- Sidang Redaksi

4 FOKUS PILIHAN

- Misi Perdagangan Sajian Untuk Ummah Terokai Pasaran Arab Saudi

5 USAHAWAN PILIHAN

- Taharah Global Bawa Hayati Stevia Terbang Tinggi Ke Persada Dunia

6 JEJAK USAHAWAN

- Jus Al Khamsah Produk Setahan Jagung Melonjak Di Singapura

7 RENCAH SANA SINI

- Pesta Nasi Sempena Keberangkatan Rombongan Diraja FAMA Sajikan Nasi Kebuli

8 RENCAH SANA SINI

- Pameran Saudi-Malaysia Business Forum Sempena Lawatan Raja Arab Saudi
- Jalinan Kasih Rakyat Gamit Masyarakat Dekati Agro Makanan

9 RENCAH SANA SINI

- House Of Durian Pusat Sehenti Informasi Raja Buah

10 MAHA

- MAHA Program Dwi Tahunan Terbesar Sektor Pertanian Malaysia

11 MAHA

- Jana Potensi Jualan RM31.35 Juta Hasil Saringan Produk Eksport Ke Empat Negara

12 MAHA

- Buletin Info Global FAMA Dilancarkan Dengan Jaya Semasa MAHA 2016
- Majlis MOU Dua Negara Bantu Pasaran Jenama Agromas Di Indonesia

Bicara Ketua Pengarah FAMA



**Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh
dan Salam Sejahtera**

Saya mengucapkan tahniah dan syabas kepada Bahagian Pasaran Antarabangsa diatas penerbitan buletin dimana maklumat dan kejayaan usahawan yang telah mengikuti program-program peringkat antarabangsa FAMA sepanjang enam bulan pertama 2017 dikongsi untuk tatapan pembaca.

Sebagai agensi pemasaran pertanian negara, pelbagai program dan aktiviti dilaksanakan FAMA untuk terus memperkenalkan produk-produk agro makanan ke pasaran tempatan dan luar negara. Penuasan pasaran untuk produk-produk ini akan membantu meningkatkan pendapatan para petani dan pengusaha produk makanan tersebut. FAMA mengatur strategi-strategi bagi membantu meluaskan saiz pasaran dengan mengadakan pelbagai program di peringkat antarabangsa. Sebagai contoh, menerusi Agrobazaar Malaysia di Singapura, FAMA telah berjaya meletakkan produk-produk usahawan tempatan di Pasaraya Big Box yang kini menjadi tumpuan untuk mendapatkan produk Halal di Singapura. Ini merupakan satu kejayaan yang patut dibanggakan semua pihak.

Saya juga berasa bangga atas kehadiran wakil luar negara ke FAMA seperti dari negara Fiji yang berhasrat untuk mempelajari tentang kaedah pemasaran yang berkesan untuk pemasaran hasil pertanian. Kehadiran mereka ini sekaligus membuktikan kepercayaan negara luar kepada kaedah pemasaran produk pertanian Malaysia yang dijalankan FAMA.

Akhir kata, saya sekali lagi mengucapkan tahniah kepada Bahagian Pasaran Antarabangsa atas penerbitan buletin edisi ketiga ini. Semoga usaha sebegini akan diteruskan bagi meningkat kesedaran pengguna terhadap program yang dianjurkan FAMA.

Terima kasih

DATO' AHMAD BIN HAJI ISHAK

Ketua Pengarah

Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA)

Sekapur Sireh



RINTIS PASARAN KE ARAB SAUDI DENGAN KERJASAMA TH GLOBAL SERVICES SDN BHD

Walaupun masih berhadapan dengan suasana ekonomi yang suram serta bajet terhad, inisiatif meningkatkan nilai eksport produk agro makanan keluaran sektor Perusahaan Kecil Sederhana (PKS) dan peladang perlu diteruskan agar kesan kemerosotan ekonomi ke atas kumpulan sasar FAMA dapat diminimakan.

Strategi program luar negara dan pembangunan eksport yang digariskan pada tahun 2016 masih dikekalkan untuk pelaksanaan program 2017. Program yang dijalankan terbahagi kepada tiga kategori iaitu pra-eksport, penerokaan eksport dan pengukuhan eksport. Dalam tempoh setengah tahun pertama ini, sebanyak dua bengkel fasilitasi eksport telah dijalankan di Kota Kinabalu Sabah untuk peserta dari Sabah dan Sarawak, manakala kali kedua dilaksanakan di Kuantan, Pahang.

Objektif penganjuran bengkel tersebut bertujuan memberi informasi teknikal berkaitan syarat dan peraturan pelabelan dan pembungkusan produk, dokumentasi dan keperluan persijilan untuk premis dan produk yang akan dieksport.

Selain memperkuuhkan projek pengeksportan produk makanan ke Singapura melalui aktiviti promosi seperti Penang Plate di Agrobazaar Malaysia Singapura (ABMS) dan promosi in-store di pasaraya-pasaraya, Bahagian Pasaran Antarabangsa telah memulakan projek baru untuk menerokai pasaran Arab Saudi dengan kerjasama TH Global Services Sdn Bhd (THGS).

Sebanyak empat pameran perdagangan/pengguna luar negara dan satu Misi Pemasaran telah disertai oleh FAMA dan usahawan iaitu di Brunei, Arab Saudi, Dubai, Jepun dan Hong Kong. Program tersebut diharap dapat membantu mereka memperkenal produk dan mendapatkan pembeli dari luar negara.

Semoga usaha-usaha yang dijalankan FAMA menerusi program pembangunan eksport akan membantu mempertingkatkan prestasi eksport usahawan PKS dan peladang-peladang khususnya.

DATO' NAZIPAH JAMALUDIN

Pengarah Kanan Bahagian Pasaran Antarabangsa FAMA
Penasihat Buletin IGF

13 AKTIVITI LUAR NEGARA

- ABMS Popularkan Makanan Tradisi & Produk PKS Pulau Pinang
- Laluan Usahawan Kukuhkan Pasaran Di Singapura

14 AKTIVITI LUAR NEGARA

- Produk PKS Malaysia Miliki Nilai Pasaran Di Brunei
- Promosi Produk Snek & Pes Masakan Di Foodex 2017, Jepun

15 AKTIVITI LUAR NEGARA

- Bakal Kaut RM10 Juta Sertai Gulfood Dubai 2017

16 INFO EKSPORT

- Syarat Dan Peraturan Kemasukan Produk Agro Makanan Ke Singapura

17 AKTIVITI BENGKEL

- Raih Ilmu Dalam Bengkel Fasilitasi Pengeksportan Dan Penerokaan Produk Sabah & Sarawak
- Seminar Fasilitasi Pengeksportan Produk Agro Makanan Negeri Pahang 2017

18 CATATAN PERJALANAN

- Lawatan Kerja Pantau Prestasi Usahawan Sedia Eksport Pahang

21 INFO PRODUK

- Usahawan Bersatu Membangun Di Bawah Jenama Pekan Prime

22 INFO PRODUK

- Cabaran Memasak Menjadi Mudah Menggunakan Perencah Mycuisine Qube
- Rempah Premix Penyelamat Tukang Masak Industri

23 USAHAWAN TANI JAYA

- Jerih Perih Berjinak Dengan Tanah Akhirnya Bergelar Usahawan Tani Berjaya

Sidang Redaksi Buletin Info Global FAMA

PENAUNG :
DATO' AHMAD ISHAK
Ketua Pengarah FAMA

PENASIHAT :
DATO' NAZIPAH JAMALUDIN
Pengarah Kanan Bahagian Pasaran Antarabangsa FAMA

TEAM EDITORIAL :
NOORSHAM RAMLY
sham@fama.gov.my

SER TIAN SIN
tsser@fama.gov.my

MOHD RIDZUAN SIRUN
ridzuan_sirun@fama.gov.my

CHANG LEE NAM
inchang@fama.gov.my

ABD RAZZIF ABD RAZAK
abdrazzif@fama.gov.my

MUHAMMAD NOOR HAKIM ABDUL MANAF
hakim@fama.gov.my

MUHAMMAD NOR ABDUL MANAN
muhammadnor@fama.gov.my

MOHD SUKRI ABD RAHIM
msukri_rahim@fama.gov.my

SHAMSHUDDIN SABERI
shamshuddin@fama.gov.my

MOHD SYAHMI ABDUL RAZAK
mohdsyahmi@fama.gov.my



TERBITAN DUA KALI SETAHUN

Misi Perdagangan Sajian Untuk Ummah Terokai Pasaran Arab Saudi



Misi Perdagangan Sajian Untuk Ummah ke Arab Saudi telah dilaksanakan pada 6 – 12 Mac 2017. Delegasi ini diketuai Dato' Mohamad Said, Pengurus Lembaga Pengarah Tabung Haji Global Services Sdn Bhd (THGS) dan disertai oleh FAMA, Malaysian Technology Development Corporation (MTDC), Kaunselor Pertanian Dubai serta Glocal Tech Solution Sdn Bhd.

Misi ini bertujuan mengadakan perbincangan dengan pemilik pasaraya besar di Arab Saudi iaitu PANDA, MANUAL, FATHIMA GROUP, DANUBE dan BIN DAWOOD. Temujanji tersebut telah diatur pihak THGS melalui Jeddah Chamber of Commerce (JCC).

Semua pemilik pasaraya telah memberi persetujuan dan ruang kepada produk Malaysia dalam pasaraya mereka serta mahu lebih banyak lagi produk Halal dari Malaysia.

Sebanyak 90 SKU produk dari 30 syarikat terpilih dengan kategori Produk Sedia Dimakan (RTE), Sedia Diminum (RTD), Biskut dan Pes Masakan telah ditunjukkan kepada mereka. Delegasi ini juga turut diberikan taklimat ketika berkunjung ke pejabat Konsul Besar Malaysia di Jeddah.

Pada hari keempat misi perdagangan, satu majlis makan malam juga telah dianjurkan oleh delegasi di Restoran D'Saji Jeddah milik FELDA pada 9 Mac 2017. Seramai 50 jemputan yang hadir terdiri daripada Pemilik Pasaraya, Ahli JCC, Pengedar dan Pemain industri.

Para tetamu telah dihidangkan dengan menu masakan Malaysia dan berpeluang melihat produk-produk yang turut dipamerkan dalam majlis tersebut. Misi ini berjaya menerokai ruang pasaran untuk produk-produk makanan Halal di Arab Saudi khususnya dan negara Gulf Cooperation Country (GCC) amnya. ■



Taharah Global Bawa Hayati Stevia Terbang Tinggi Ke Persada Dunia

Sewaktu rencana ini ditulis usahawan wanita yang ditampilkan kali ini tidak berada di dalam negara kerana sedang menguruskan perniagaan di pejabatnya di London. Ternyata rutin kehidupan yang tidak putus-putus dengan kesibukan dan sering ‘terbang’ ke pelusuk dunia membuktikan kejayaan Presiden & Pengarah Taharah Global (M) Sdn. Bhd., Puan Zakiah Abu Kasim, dalam bisnes yang telah diceburi semenjak tahun 2004 itu.

“Saya pun tak sangka akan jadi seorang yang sesibuk ini,” ujarnya mesra sewaktu kami berkesempatan makan semeja bersama pasukan kerja FAMA termasuk Pengarah Kanan Bahagian Pasaran Antarabangsa Dato’ Nazipah Jamaludin, sekitar awal tahun yang lalu. Menyorot kembali butiran penglibatan Zakiah dalam perniagaan ternyata beliau bermula dengan menempuh kesukaran. Tanpa latar belakang di bidang yang diceburi, menghadapi pelbagai karenah birokrasi dan diskriminasi beliau serta rakan kongsi terpaksa mencari modal dengan menjual apa sahaja harta yang ada terutama rumah dan kereta.

Akhinya mereka berjaya mengumpulkan modal hampir RM250,000 dan dengan kereta Perodua Kancil, yang alat pendingin hawa rosak, itulah mereka memulakan semua urusan perniagaan sabun samak jenama Taharah.

Menghasilkan produk kesihatan seperti Taharah tentunya sukar kerana memerlukan kepakaran yang melibatkan penyelidikan dan pembangunan (R&D) “Oleh kerana saya tidak mempunyai latar belakang berkaitan, saya perlu belajar semuanya dari bawah. Saya terlibat secara langsung



dalam

menghasil atau menciptakan formula-formula pembuatan melalui teknik bio teknologi, mendapatkan bahan-bahan mentah, mengadun, memproses sendiri sehingga menjadi bahan eksperimen bagi melihat dan merasakan sendiri hasil dan kesannya.

Disebabkan itu saya menyambung pengajian sehingga memperoleh Diploma Sains Kosmetik dari sebuah universiti di United Kingdom. Saya juga melanjutkan pelajaran ke peringkat Doktor Falsafah (PhD) dalam bidang bio marin dengan Pakar Sains Marin iaitu Profesor Dr. Phang Siew Moi dari Universiti Malaya,” katanya. Semenjak beberapa tahun terakhir ini bisnes Zakiah semakin melonjak selepas syarikatnya mengeluarkan produk pemanis semula jadi berasaskan stevia yang dinamakan Hayati Stevia, untuk diperkenalkan sehingga ke pasaran global.

“Titik tolak kepada kejayaan Hayati Stevia bermula apabila kami diberi peluang oleh pihak FAMA untuk menyertai Pameran Gulfood Dubai, 2016. Sambutan terhadap produk Stevia di kalangan orang Arab amat memberangsangkan”.

Hayati Stevia yang didatangkan dalam bentuk cecair dengan tujuh perisa, iaitu coklat, vanila, peach, mocha, original, ros dan kulit kayu manis. Ia mudah dititis ke dalam makanan dan minuman termasuk teh/kopi, yoghurt, smoothies, susu panas atau sejuk, minuman bercoklat sehingga kek dan konfeksi. Zakiah berkata, produk Hayati Stevia kini dipasarkan di United Kingdom dan Netherlands. ■



Jus Al Khamsah Produk Setahun Jagung Melonjak Di Singapura



Menghasilkan sesuatu produk mungkin tidaklah sesukar mana namun untuk menempatkan diri di pasaran luar negara ternyata mustahil bagi kebanyakan usahawan kita. Apatah lagi bagi produk yang usianya baru setahun jagung dan tidak dikenali di pasaran.

Situasi sedemikian ternyata berbeza bagi produk Jus Al Khamsah keluaran syarikat Sabr Ad Dhuha Enterprise kepunyaan usahawan Perlis, Hj Mahadzir Zakaria. Walaupun baru dipasarkan mulai 24 Ogos 2015, namun telah berjaya memasuki pasaran ke negara Singapura dan kini merupakan produk paling laris dan teratas berbanding produk Malaysia lain yang dijual di Malaysia Halal Centre (MHC) di Pasaraya Big Box.

Dalam tempoh tiga bulan, produk minuman botani campuran lima ramuan yang telah dipasarkan di Singapura pada November 2016, kini mencapai nilai eksport sebanyak RM165,000. Produk tersebut boleh didapati di Agrobazaar Malaysia Singapura (ABMS), MHC serta My Outlets di Singapura.

Bercerita mengenai keistimewaan jus Al Khamsah, Hj



Mahadzir berkata dengan keupayaan penghasilan produk daripada kilang sendiri, kualiti bahan termasuk madu hutan asli dan ciri-ciri produk yang unik, serta dengan pembuatan yang halus tanpa serdak menjadikan kadar resapannya lebih baik pada pengguna.

"Kami merasa beruntung kerana mendapat bantuan, khidmat nasihat dan kepakaran teknikal daripada agensi-agensi kerajaan termasuk FAMA, Jabatan Pertanian, MARDI, MARA, KKM dan JAKIM. Alhamdulillah dalam tempoh sembilan bulan setelah melancarkan produk kami telah berjaya memperolehi Sijil MeSTI KKM dan Halal JAKIM," kata Hj Mahadzir.

Jus Al Khamsah juga kini muncul dengan pek baru menerusi usahasama dengan SIRIM dan MARA yang dilancarkan Menteri Besar Perlis Dato' Seri Azlan Man. Hj Mahadzir mengakui perniagaan jus Al Khamsah meningkat 40% semenjak pihaknya menyertai program anjuran FAMA. Kini syarikat tersebut mempunyai 70 rangkaian pengedar seluruh negara termasuk Agrobazaar, Farmasi, Minimart Koop, pengedar perseorangan, jualan dalam talian dan berjaya meletakkan produk di outlet Agrobazaar KLIA2. ■



FAMA Saji Nasi Kebuli Sempena Keberangkatan Rombongan Diraja Ke Pesta Nasi

Pesta Nasi sempena Keberangkatan KDYTM Tengku Puan Pahang Tunku Azizah Aminah Maimunah, Tunku Puan Besar Perak Tuanku Zara Salim dan Tunku Puan Muda Perak Raja Nor Mahani bt. Raja Shahar Shah, berserta rombongan Persatuan Pandu Puteri Asia Pasifik, telah diadakan di Muzium Sultan Abu Bakar, Pekan, Pahang, pada 8 hingga 9 Mei 2017, lalu.

Program anjuran Muzium Sultan Abu Bakar ini bertujuan memberi maklumat dan info kepada pengunjung berkaitan sejarah beras di Malaysia khususnya di Pahang. Pahang mempunyai keluasan penanaman padi lebih dari 5,000 ekar.

Program ini menyediakan lebih 100 jenis makanan popular menggunakan beras/nasi di Malaysia. Hidangan ini kemudian diagih-agihkan kepada pengunjung untuk merasai sendiri keenakan nasi tersebut. Antara hidangan nasi yang dibuat semasa pameran adalah Nasi Kebuli, Nasi Ayam, Bubur Lambuk, Nasi Himpit, Nasi Lemak, Nasi Tomato dan Nasi Goreng.

Dalam program tersebut, FAMA telah dijemput menyertai pameran dan memperkenalkan sebanyak 11 jenis pisang seperti Pisang Lemak Manis, Pisang Tanduk, Cavendish, Pisang Awak dan Pisang Abu. Para pengunjung juga telah dihidangkan dengan pelbagai jenis buah-buahan tempatan. Selain buah-buahan, FAMA juga turut mengadakan demonstrasi masakan Nasi Kebuli, Bubur Lambuk dan Bubur Gandum.

Program yang berlangsung itu mendapat pujian pengunjung dari dalam dan luar negara di mana secara tidak langsung mengetengahkan selera Malaysia. ■



Pameran Saudi-Malaysia Business Forum Sempena Lawatan Raja Arab Saudi

Susulan lawatan Raja Salman bin Abdulaziz al-Saud iaitu Raja Arab Saudi selama empat hari ke Malaysia, pelbagai aktiviti telah diadakan. Antaranya, pameran sempena Saudi-Malaysia Business Forum bertempat di Hotel JW Marriot, Kuala Lumpur pada 28 Februari 2017 yang dianjurkan pihak MITI dan MATRADE.

FAMA adalah antara agensi kerajaan yang dijemput khas oleh TH Global Services Sdn Bhd (THGS) untuk menyertai pameran tersebut di samping Malaysia Technology Development Corporation (MTDC).

Pameran difokuskan kepada usahawan PKS sedia eksport yang telah dipilih oleh FAMA dan THGS di bawah projek Malaysia-Saudi Arabia (MYS) bagi memasarkan produk mereka ke pasaran negara Arab Saudi terutama di Mekah dan Madinah sempena musim haji tahun ini.

Sepanjang program berlangsung, seramai 25 usahawan dengan 70 Stock Keeping Unit (SKU) telah dijemput menyertai pameran. Dalam program yang sama juga, *prototype vending machine* MYS turut dipamerkan kepada peserta forum yang terdiri daripada agensi kerajaan dan para pelabur Arab Saudi. *Vending machine* ini akan ditempatkan di hotel sekitar Mekah dan Madinah untuk keperluan belian semasa musim haji dan umrah. ■



Jalinan Kasih Rakyat Gamit Masyarakat Dekati Agro Makanan

Program Jalinan Kasih Rakyat Peringkat Negeri Perlis yang diadakan di Kompleks Sukan Tuanku Syed Putra, Kangar, Perlis bermatlamat mendekatkan masyarakat kepada sasaran memajukan Agro Makanan Negara. Program yang berlangsung selama dua hari bermula 1 hingga 2 April 2017 telah dirasmikan oleh Menteri Besar Perlis YAB Dato' Seri Azlan Man.

Program Jalinan Kasih Rakyat adalah cetusan daripada Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani dan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) sebagai saluran pendedahan kepada rakyat mengenai peranan Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, Jabatan/Agensi dan kerajaan, khususnya dalam memajukan sektor Agro Makanan Negara. Menerusi slogan "Our Food Our Future", rakyat juga turut dimaklumkan berkaitan perkhidmatan dan bantuan yang diberikan kerajaan melalui Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani serta Jabatan dan Agensi kepada golongan sasar.

Sepanjang program berlangsung, Bahagian Pasaran Antarabangsa FAMA telah berkongsi maklumat mengenai pelbagai aktiviti pembangunan eksport yang dilaksanakan bersama kumpulan sasar melalui kaunter khidmat eksport yang disediakan iaitu hantaran percubaan eksport, pameran perdagangan / pengguna, promosi *in-store*, aktiviti pasca pameran perdagangan dan penyebaran maklumat produk. Selain pameran produk, para pengunjung juga turut didekah dengan maklumat syarat perlabelan

dan pembungkusan untuk pasaran Singapura, Arab Saudi, Australia, Brunei dan China. ■



House Of Durian Pusat Sehenti Informasi Raja Buah

Pasaran buah-buahan tempatan tidak lagi terhad kepada lokasi dalam negara malahan sudah berkembang ke pasaran antarabangsa. Inisiatif FAMA dalam mempelbagai langkah pemprosesan buah-buahan mampu menjadikan jangka hayatnya tahan lebih lama dan mampu dieksport ke luar negara.

Kewujudan House Of Durian (HOD), di FAMA Jerantut, Pahang yang berperanan sebagai pusat sehenti bagi mendapat informasi berkaitan buah durian, adalah satu cetusan idea dan inisiatif terbaru FAMA kepada bakal pengeksport, pengimport, pemproses dan masyarakat yang berminat dengan industri pemprosesan serta pengeksportan isi durian.

HOD hasil cetusan idea FAMA pada tahun 2016 itu, menyediakan khidmat nasihat berkaitan industri pemprosesan dan pengeksportan isi durian serta prosedur dan dokumentasi eksport. Pusat tersebut turut menjalankan aktiviti jualan isi durian sejuk beku, pes durian dan tempoyak kepada pengunjung.



Pusat informasi House of Durian (HOD) FAMA Jerantut, Pahang.



Carta alir pemprosesan pes durian dan poster klon durian komersial.



Jualan isi durian sejuk beku dan pes ini merangkumi klon Durian Musang King dan D24. FAMA Jerantut merupakan pusat pemprosesan durian sejuk beku yang telah diakreditasi oleh pihak berkuasa negara China iaitu General Administration of Quality Supervision, Inspection & Quarantine of People's Republic of China (AQSIQ).

Dijangkakan pusat ini mampu meningkatkan pendapatan petani dan pemproses durian khususnya di negeri Pahang untuk tujuan pengeksportan.

HOD juga sentiasa melakukan proses penambahbaikan daripada segi penambahan keluasan dan pengisian maklumat supaya dapat memberi manfaat kepada pengunjung-pengunjungnya. ■



MAHA Program Dwi Tahunan Terbesar Sektor Pertanian Malaysia



MAHA merupakan program pameran dwi tahunan terbesar bagi sektor pertanian di Malaysia. Pameran ini merupakan platform bagi mempamerkan produk pertanian, teknologi pertanian serta jentera pertanian yang menjadi tempat pertemuan pemain industri berkongsi idea dan pengetahuan di dalam sektor pertanian.

Sempena MAHA yang berlangsung pada 1-11 Disember 2016, Bahagian Pasaran Antarabangsa dipertanggungjawabkan mengurus Pavilion Antarabangsa FAMA, bertempat di Hall C, Malaysia Agro Exposition Park Serdang (MAEPS) bertujuan mempamerkan kejayaan dan perkongsian maklumat halatuju program pembangunan eksport FAMA. Di samping itu, FAMA juga menyediakan khidmat nasihat kepada usahawan PKS yang ingin mencebur diri di dalam bidang pengeksportan.

Di Pavilion Antarabangsa FAMA juga menempatkan reruai usahawan iaitu Agrobazaar Malaysia Singapore (ABMS), FAMA Sabah & Sarawak, NQ Group Enterprise, Top Fruits Sdn. Bhd., Taharah Global Sdn. Bhd, Ryverra Chocolate & Confectionary Sdn. Bhd., Nature Living Sdn. Bhd dan My Zerb Herbs Spa. Reruai yang disediakan bertujuan mempamerkan produk sedia eksport dan aktiviti jualan. Para usahawan ini berjaya menjana nilai jualan terkumpul kira-kira RM70,000 sepanjang sepuluh hari pameran berlangsung.

Pelbagai aktiviti turut dijalankan, antaranya program sesi perkongsian bersama usahawan bertujuan memberi peluang kepada para usahawan berkongsi pengalaman dalam bidang eksport serta memberikan semangat dan panduan kepada usahawan lain yang berminat menceburkan diri dalam bidang eksport. Program lain yang dilaksanakan adalah ceramah kesihatan *Knowing The Amazing Power of Fruits & Vegetables* oleh Dr. Yasmeen Farouk Mohamed dan *My Doctor is Rasulullah S.A.W.* oleh Dr Nazir Hussin. ■



Jana Potensi Jualan RM31.35 Juta Hasil Saringan Produk Eksport Ke Empat Negara

Seiring hasrat FAMA menggalakkan usahawan menceburir ke bidang pengeksportan, beberapa siri saringan produk telah dianjurkan sempena pameran MAHA yang diadakan di Hall C, MAEPS Serdang pada 1-11 Disember 2016, lalu.

Saringan yang dilakukan bertujuan mengenal pasti produk untuk ke pasaran Indonesia, Singapura, Australia dan Arab Saudi itu telah dijalankan sebanyak empat kali dan berjaya mengenal pasti produk yang mampu menjana jualan potensi berjumlah RM31.35 juta.

Saringan produk ke pasaran Indonesia telah dilaksanakan dengan kerjasama syarikat MFSB Food Stuff Sdn. Bhd yang telah berjaya memperoleh 8 permit Makanan Luar (ML) bagi produk Agromas daripada pihak berkuasa Indonesia iaitu Badan Pengawasan Obat & Makanan Indonesia (BPOM).

Pihak mereka juga akan berperanan sebagai pengimport dan dijangka akan membuka 1 Malaysia House Halal Center yang akan menjadi platform bagi para usahawan PKS Malaysia memasarkan produk mereka di Indonesia. Pada siri ini kira-kira 14 usahawan menghadiri taklimat dan sebanyak 46 SKU produk telah disaring pihak MFSB Food Stuff Industries untuk menembusi pasaran Indonesia.

Saringan kedua pula merupakan saringan ke pasaran Singapura. ABMS yang telah ditubuhkan sejak Ogos 2014, bertujuan mempromosi dan memasarkan buah-buahan segar dan produk PKS dari Malaysia ke Singapura.

Penubuhan ABMS ini berjaya membantu FAMA membangunkan usahawan PKS untuk pasaran eksport dan merealisasikan aspirasi kerajaan Malaysia bagi meningkatkan nilai eksport negara umumnya serta sektor agro makanan khususnya.

Taklimat syarat kemasukan produk telah disampaikan Tn. Hj. Zainal Abidin Yang Razalli, Pengarah FAMA Johor dan telah dihadiri 17 usahawan PKS melibatkan saringan produk sebanyak 66 SKU.

Selain itu, FAMA juga telah menjalankan kerjasama strategik dengan TH Global Services Sdn. Bhd. (THGS) bagi pengeksportan produk agro makanan Malaysia ke pasaran Arab Saudi untuk kegunaan jemaah haji tahun ini. CEO THGS, Tn Hj Adly turut hadir semasa sesi saringan. Antara produk yang menjadi tumpuan ialah rempah premix masakan.

Sesi saringan terakhir adalah ke pasaran Australia. Pihak Seri Melayu Pte. Ltd. telah memohon kerjasama FAMA bagi mengenalpasti produk PKS berpotensi untuk dieksport ke pasaran Australia berikutan syarikat tersebut bakal membuka pasaraya mini yang menjual menu masakan serta produk PKS Halal keluaran Malaysia. ■



Sesj saringan produk untuk ke pasaran Singapura



Tn Hj Zainal memberikan taklimat syarat kemasukan produk ke pasaran Singapura



Antara usahawan bersama produk keluaran mereka yang hadir bagi sesi saringan produk ke pasaran eksport



Antara produk yang benjalani sesi saringan untuk ke pasaran eksport



Sesi saringan produk untuk ke pasaran Indonesia



Tn Hj Adly (dua dari kanan) turut mengandilai produk berpotensi ke pasaran Arab Saudi

Buletin Info Global FAMA Dilancarkan Dengan Jaya Semasa MAHA 2016

Buletin Info Global FAMA (IGF) merupakan satu saluran perkongsian maklumat mengenai aktiviti-aktiviti pembangunan eksport yang telah dijalankan oleh Bahagian Pasaran Antarabangsa, FAMA. Buletin IGF yang diterbitkan sebanyak dua kali setahun ini berperanan membantu meningkatkan pengetahuan masyarakat mengenai aktiviti dan peluang pemasaran eksport produk agro makanan di peringkat antarabangsa terutama di kalangan pengunjung khususnya usahawan dan peladang.

Sempena Pameran MAHA 2016, Ketua Pengarah FAMA, YBhg Dato' Ahmad Ishak telah melancarkan Buletin IGF bertempat di Pavilion Antarabangsa pada 9 Disember lalu.

Penerbitan Buletin IGF bertujuan berkongsi maklumat berkaitan peranan dan program yang dilaksanakan Bahagian Pasaran Antarabangsa ke peringkat global. Buletin ini juga memuatkan informasi dan gambar-gambar program yang telah dilaksanakan. Selain itu turut memuatkan berita terkini di pasaran luar negara serta produk-produk agro makanan yang berpotensi untuk pasaran eksport.

Antara contoh kejayaan yang telah dicapai adalah membuka ruang pasaran di negara Singapura melalui ABMS, produk Royal Bird Nest di pasaran Dubai, produk durian sejuk beku di China, produk Roselle di Australia, produk bawang goreng ke Jepun.

Ternyata secara keseluruhan, Bahagian Pasaran Antarabangsa telah berjaya mencapai sasaran dengan pelaksanaan 28 program luar negara dan 25 program Pembangunan Eksport. ■



Majlis MOU Dua Negara Bantu Pasaran Jenama Agromas Di Indonesia

Kemasukan Produk Agromas ke pasaran luar negara kini semakin cerah. Ini terbukti dengan berlangsungnya Majlis menandatangani MOU di antara syarikat MFSB Foodstuff Marketing (Malaysia) dan Winn Groups Companies (Indonesia). Perjanjian yang dimeterai pada 5 Disember 2016 di Pavilion Antarabangsa FAMA ini merupakan kerjasama pemasaran dan pengedaran produk jenama Agromas di Republik Indonesia.

Pihak Malaysia diwakili Dato Wan Zullkefle Wan Ibrahim dari syarikat MFSB Foodstuff Marketing yang menjalankan pemasaran produk makanan serta aktiviti import dan eksport makanan dalam dan luar negara. Manakala pihak Indonesia diwakili Dato Sri Kenny Yee Tuck Poh dari syarikat Winn Groups Companies.

Perjanjian untuk tempoh dua tahun ini mempunyai objektif memperluaskan pasaran produk Agromas di seluruh Indonesia. Anggaran nilai perdagangan adalah RM 30 juta setahun dengan sasaran bilangan SKU antara 60 hingga 100 SKU. Jangkaan produk Agromas menjadi pilihan, antaranya adalah Teh Tarik 3 in 1, Sri kaya Madu, Bijiran Oat 3 in 1, Kopi putih, Ginseng dan Habbatus Sauda 3 in 1 serta Kordial Roselle. Syarikat MFSB Foodstuff turut merancang membuka outlet produk Malaysia pertama di Jakarta dengan nama "1 MALAYSIA HALAL HOUSE" dalam masa 2 tahun akan datang. ■



ABMS Popularkan Makanan Tradisi & Produk PKS Pulau Pinang

Pada awal tahun 2017, Majlis Pembangunan Bumiputra Pulau Pinang dengan kerjasama FAMA telah menganjurkan Program Seri Pinang Fest bertarikh 13 Januari sehingga 12 Februari 2017 di Agrobazaar Malaysia Singapore (ABMS). Dua aktiviti Program, iaitu Seri Pinang Plate di ABMS dan promosi produk PKS Pulau Pinang di Malaysia Halal Centre ini telah dijalankan serentak.

Pelbagai aktiviti telah diadakan sepanjang program berlangsung. Antara aktiviti yang dilaksanakan adalah mempromosikan makanan tradisional popular negeri Pulau Pinang. Lapan menu telah diperkenalkan dan dijual di Verandah Café ABMS sebagai promosi kepada rakyat dan pelancong asing di negara Singapura.

Menu yang paling mendapat sambutan ialah Mee Goreng Mamak dan Char Koay Teow. Manakala produk PKS yang mendapat sambutan tinggi sepanjang promosi berlangsung ialah Jeruk Madu Pak Ali dan cip buah-buahan jenama Leafrito.

Di samping itu, 70 SKU produk PKS Bumiputra dari Pulau Pinang telah dibawa masuk dan dipasarkan di ABMS dan Malaysia Halal Center, Pasaraya Big Box.

Program yang berlangsung selama sebulan ini telah dirasmikan Penasihat Khas kepada Perdana Menteri (Northern Corridor Economic Region), merangkap Pengerusi Majlis Pembangunan Bumiputra Pulau Pinang, YB Dato Seri Zainal Abidin Osman. ■



Dato Seri Zainal Abidin Osman menyempurnakan gimik majlis perasmian Seri Pinang Plate di ABMS



Dato Seri Zainal melawat aktiviti promosi yang dilakukan oleh usahawan



Malaysia Halal Center yang turut memasarkan produk keluaran PKS dari Pulau Pinang



Antara produk PKS dari Pulau Pinang yang dijual di MHC

Laluan Usahawan Kukuhkan Pasaran Di Singapura

Pameran Halal Food Expo, Singapore merupakan platform tepat bagi para usahawan yang ingin mengukuhkan pasaran produk di negara Singapura. Pameran yang mendapat sambutan ramai pengunjung ini bukan sahaja memberi peluang kepada usahawan mempromosi produk tetapi juga dapat menjualnya secara terus kepada pengguna.

Pada 16 hingga 19 Mac 2017, FAMA telah menyertai Pameran Halal Food Expo, Singapore bertempat di Changi, Singapura. Pameran ini dirasmikan Ahli Parlimen Bishan Toa Payoh GRC, Singapura, En. Saktiandi Supaat.

Pameran yang berlangsung selama tiga hari ini telah disertai 23 syarikat PKS dari Malaysia. Sepanjang pameran berlangsung, pelbagai produk IKS turut dipromosi di samping buah-buahan segar seperti durian, cempedak dan nanas.

Selain mempromosi produk, para usahawan juga berpeluang melakukan kajian pasaran bagi mengenal pasti penerimaan pengguna terhadap produk yang dipromosi di samping penambahbaikan produk yang perlu dilakukan. ■



AKTIVITI LUAR NEGARA

Produk PKS Malaysia Miliki Nilai Pasaran Di Brunei

FAMA kini semakin mengorak pantas dalam usaha melaksanakan pelbagai perancangan bagi mendedahkan produk tempatan ke pasaran antarabangsa. Buktinya, seawal tahun baharu, Bahagian Pasaran Antarabangsa FAMA telah mengetui delegasi terdiri dari 11 usahawan PKS Malaysia, ke Pameran Pengguna Brunei yang berlangsung selama lima hari di Pusat Konvensyen Antarabangsa Berakas, Brunei bermula 18 hingga 22 Januari 2017 lalu.

Walaupun telah menyertai pameran itu semenjak tahun 2009, tema "The Years is Yours", yang diketengahkan pihak pengajar "D'Sunlit's", menjadi faktor pemangkin menyemarakkan lagi semangat FAMA dan usahawan menyertai pameran tersebut.

Syarikat usahawan Malaysia yang turut serta ialah Nature Life Resources, Syarikat NQ Group, Haliza Industries, Frangispani, Fatihah Frozen, Berkat Tuah, Ambang Dorongan, Shinora dan Taharah. Manakala kategori produk yang dipromosi seperti produk sejuk beku, minuman pra campur, minuman kesihatan, snek, bawang goreng dan pes masakan.



Sepanjang lima hari program berlangsung, para usahawan telah berjaya menjana nilai jualan terkumpul berjumlah RM45,000 serta mencatatkan jualan potensi berjumlah RM60,000. ■



Promosi Produk Snek & Pes Masakan Di Foodex 2017, Jepun

Penyertaan FAMA di dalam Pameran Perdagangan "FOODEX 2017", Jepun merupakan penyertaan kali ke-3 sejak kali pertama menyertainya pada tahun 2014. Penyertaan kali ini disertai dua syarikat PKS dari Malaysia.

Pameran berlangsung selama tiga hari, iaitu pada 7-10 Mac 2017. Sepanjang aktiviti pameran, FAMA berpeluang mempromosi produk usahawan Malaysia. Antara produk yang diperkenalkan adalah snek daripada kelapa dan pes masakan.



Syarikat Ganda Kota berjaya memperolehi nilai jualan berjumlah RM870,000. Manakala nilai jualan berpotensi berjumlah RM2.7 juta.

Pameran perdagangan ini merupakan pameran perdagangan terbesar bagi sektor makanan di Jepun dan menyediakan platform terbaik bagi produk Halal Malaysia untuk meneroka pasaran di negara Jepun. Jepun akan menjadi tuan rumah bagi Sukan Olimpik 2020 dan kerajaan negara tersebut sedang giat membangunkan pasaran makanan Halal di Jepun bagi memenuhi keperluan para atlet terutama yang beragama Islam. ■



Bakal Kaut RM10 Juta Sertai Gulfood Dubai 2017



Bermula tahun 2006 dan terkini pada 26 Februari hingga 2 Mac 2017, sudah mencecah 12 tahun, FAMA menjalankan usaha membawa usahawan tempatan di bawah bimbingannya menyertai program Pameran Perdagangan Gulfood Dubai, di Emirates Arab Saudi (UAE).

Penglibatan FAMA dan juga syarikat usahawan lain telah memberi impak besar dalam memperkenalkan produk-produk tempatan di mata dunia. Selain daripada itu, penglibatan di dalam pameran Gulfood ini bukan sahaja difokuskan kepada pasaran Timur Tengah sahaja malahan peluang pasaran di serata dunia kerana program ini adalah sebagai *platform* bagi memperkenal dan mempromosikan produk ke pasaran antarabangsa.

Seramai hampir 70 orang usahawan daripada pelbagai syarikat dan industri berasaskan pemprosesan makanan telah dipilih menyertai Pameran Gulfood Dubai di bawah penyelarasan pihak MATRADE.

Menerusi pameran tersebut, enam syarikat bimbingan FAMA telah mendapat maklumbalas positif kepada industri makanan dan minuman di Malaysia. Rangkaian syarikat tersebut seperti Ganda Kota Sdn Bhd, Garis Concept, Ryverra Chocolate & Manufacturing Sdn Bhd, Kalos Bay Venture Sdn Bhd, Dr Aisyah Solutions dan Haliza Industries Sdn Bhd.

Penyertaan pada tahun ini telah berjaya memperolehi jualan sebanyak RM3.8 juta dengan potensi jualan berjumlah RM10.3 juta.

Sepanjang pameran berlangsung, syarikat usahawan Malaysia juga telah berjaya memeterai empat perjanjian persefahaman (MOU) dengan pengimport dari Timur Tengah. ■



Syarat Dan Peraturan Kemasukan Produk Agro Makanan Ke Singapura

PIHAK
BERKUASA
BAGI SEKTOR
MAKANAN

> Agri-food & Veterinary Authority of Singapore (AVA)
(www.ava.gov.sg)

01

DOKUMEN
EKSPORT YANG
DIPERLUKAN

- >
- a) Invois (invoice)
 - b) Packing list
 - c) Certificate of Origin (COO)
 - d) Health Certificate (Sijil Kesihatan)
 - e) Sijil HALAL
 - f) Sijil MESTI
 - g) Microbe test certificate
 - h) Lain-lain (tertakluk kepada permintaan pihak berkuasa negara pengimport)

02

SYARAT
PERLABELAN
ASAS

- >
- 1) **Nama Produk :** Nama dan jenama produk perlu dinyatakan dengan jelas.
 - 2) **Ramuan (Ingredients) :** Kesemua ramuan dan bahan pengawet hendaklah disusun mengikut berat penggunaan.
 - 3) **Hypersensitif (Allergen) :** Perlu dinyatakan sekiranya mengandungi bahan seperti tenusu, telur, kacang, makanan laut dan sulphites melebihi 10 ml/kg.
 - 4) **Kuantiti :** Penyataan kuantiti perlu dinyatakan dengan tepat
Contoh: **Net weight 120gm**
Net Weight 1 liter
Net weight 10pcs +220gm
 - 5) **Berat Tos (drained weight) :** Bagi makanan yang dibungkus didalam cecair.
 - 6) **Fakta Nutrisi**

CONTOH FAKTA NUTRISI		
Servings per package (here insert number of servings)*	Per Serving* or	Per 100g (or 100ml)
Energy	Kcal, kJ or both	kJ, kcal or both
Protein	g	g
Fat	g	g
Carbohydrate	g	g
[here insert the nutrients for which nutrition claims are made, or any other nutrients to be declared]**	g	g

- *Applicable only if the nutrients are declared on a per serving basis.
**Amounts of sodium, potassium and cholesterol are to be declared in mg.
- 7) **Negara Pengeluar :** Penyataan produk *Buatan Malaysia / Made in Malaysia* atau *Products of Malaysia*
 - 8) **Tarikh Luput :** Hendaklah dicetak secara kekal diatas label produk
 - 9) **Alamat Pengilang / Pengeluar**
 - 10) **Maklumat Nama Pengimport/Imported by :**
Contoh : Imported by
Agrobazaar Malaysia
Lot 37 & 43, Sultan Gate, Singapore 198485
No.Tel: (65) 6391 9841 , No. Faks : (65) 6391 9842
Email : info@agrobazaarmalaysia.com.sg
 - 11) Semua maklumat perlabelan perlu dinyatakan di dalam Bahasa Inggeris

03

Raih Ilmu Dalam Bengkel Fasilitasi Pengeksportan Dan Penerokaan Produk Sabah & Sarawak

Bagi mencapai hasrat kerajaan memperkasa eksport produk makanan keluaran Malaysia ke persada antarabangsa, Bengkel Fasilitasi Pengeksportan Dan Penerokaan Pasaran Produk Sabah & Sarawak ke Negara "Far East", telah diadakan di Promenade Hotel, Kota Kinabalu, Sabah pada 25 Januari 2017.

Bengkel tersebut melibatkan kehadiran pegawai dan kakitangan FAMA di Bahagian Pasaran Antarabangsa, Bahagian Industri Asas Tani (IAT), Bahagian Regulatori, Bahagian Urusniaga Segar, Bahagian Pendidikan Pemasaran dan Khidmat Perundingan, FAMA Johor, FAMA Sarawak dan FAMA Sabah.

Objektif pengajuran bengkel bertujuan memberi pendedahan kepada kakitangan FAMA mengenai produk proses dan segar Sabah dan Sarawak yang berpotensi dikomersilkan di pasaran eksport terutama di Negara Timur Jauh seperti China, Jepun, Korea Selatan, Hong Kong dan Taiwan. Selain itu, para peserta bengkel juga dapat menimba ilmu berkaitan prosedur pengeksportan produk segar dan proses dalam usaha membantu golongan sasar meneroka pasaran eksport dengan lebih meluas.

Antara produk Sabah yang berpotensi dieksport ialah Pomelo, Pisang, Avocado, Nanas, Keropok Amplang dan Kuih Cincin. Manakala produk Sarawak yang berpotensi dieksport ialah Tebaloi, Serbuk Lada Putih dan Lada Hitam, Sesar Unjur, Kek Lapis, Air Sarang Burung Walit dan Rambutan segar. ■



Seminar Fasilitasi Pengeksportan Produk Agro Makanan Negeri Pahang 2017

Seminar Fasilitasi Pengeksportan Produk Agro Makanan Peringkat Negeri Pahang 2017, yang disertai seramai 40 usahawan sedia eksport, telah berlangsung di Hotel Vistana Kuantan, pada 11 dan 12 April 2017.

Perasmian seminar disempurnakan oleh YB. Dato. Haji Shafik Fauzan Haji Sharif, Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Luar Bandar Pertanian dan Industri Asas Tani Negeri Pahang.

Menerusi seminar ini, usahawan telah didedahkan dengan pelbagai ilmu pengetahuan berkaitan prosedur pengeksportan produk agro makanan ke luar negara.

Sepanjang dua hari program berlangsung, FAMA telah menjemput agensi kerajaan dan pihak swasta seperti Kastam Diraja Malaysia, Kementerian Kesihatan Malaysia, JAKIM, EXIM Bank dan SME Bank. FAMA turut berkongsi maklumat mengenai prosedur pengeksportan produk agro makanan ke luar negara.

Pada masa ke semasa terdapat 300 usahawan IAT Pahang telah berdaftar dengan FAMA. Terdapat lima syarikat sedia eksport untuk dieksport ke Singapura. Pada tahun 2017 ini, FAMA mensasarkan sejumlah lapan syarikat untuk dieksport ke Singapura dengan sasaran jualan sebanyak RM1.28 Juta. Kategori produk yang menjadi fokus eksport ialah biskut, minuman, dan pes masakan. ■



Lawatan Kerja Pantau Prestasi Usahawan Sedia Eksport Pahang

Oleh
Abd Razzif Abd Razak



Program lawatan ke premis para usahawan di bawah bimbingan FAMA di sesuatu daerah sentiasa dilakukan secara berterusan dari satu negeri ke satu negeri bagi meninjau aktiviti, prestasi dan isu pengekspor yang dihadapi mereka secara lebih dekat. Terbaru, team FAMA telah membuat lawatan selama dua hari di empat daerah sekitar Pahang pada 10 April dan 13 April 2017 lalu.

BERKUNJUNG KE VIAS FOOD PENGETAHUAN PRODUK PUREE



Tarikh 10 April 2017, kami telah mengunjungi Pejabat FAMA Daerah Maran bagi melihat sendiri pusat pemprosesan yang menempatkan syarikat Vias Food Sdn Bhd. Kami diberi taklimat oleh En. Nur Akmal Hassan, Pegawai FAMA Daerah (PFD) Maran, mengenai fungsi PFD Maran dalam membantu usahawan sekitar meningkatkan hasil produk agro makanan keluaran tempatan.

Di sini, kami berpeluang melawat premis Vias Food dan bertemu pemilik syarikat, Puan Asmah Abdullah. Syarikat ini menjalankan kerjasama strategik dengan Technology Park di Raub, Pahang, bagi mengeluarkan puree berasas herba keluaran tempatan.

Apa yang membanggakan, hasil produk Vias Food telah berjaya dieksport ke United Kingdom semenjak tahun 2011. Pasaran adalah di rangkaian Ethnic Store di London. Produk ini juga turut dieksport ke New York (tahun 2016), Arab Saudi (Husam Waksa), Singapura (Global Halal Hub) dan Agrobazaar Malaysia Singapura).



Pusat pemprosesan syarikat Vias Food Sdn Bhd

Terdapat permintaan puree Halia Bentong di Korea manakala di Jepun permintaan yang tinggi ialah bagi puree Halia Bentong dan Bawang Putih.



PRODUK MURUKU JENAMA YAMA

Destinasi diteruskan ke premis Siti Nora Enterprise. Syarikat yang diusahakan Puan Siti Nora Mohamad Noor ini menjalankan perniagaan pada tahun 2007 dan mula fokus mengeluarkan produk muruku jenama YAMA pada tahun 2016. Jenama YAMA telah didaftarkan dengan MYIPO.

Dengan mencipta mesin sendiri, syarikat ini telah berjaya menghasilkan pelbagai perisa produk muruku. Antaranya, muruku berperisa Barbeque, Lada Hitam dan Asli.

Produk muruku ini mendapat permintaan tinggi di Jepun, China dan Arab Saudi. Nilai jualan produk syarikat ini berjaya mencecah RM40,000 sebulan.



Mendengar taklimat mengenai latar belakang syarikat dari Pn Siti Nora



Mesin penggorengan muruku yang dicipta sendiri oleh Pn Siti Nora

PRODUK TEH KOMBUCHA

Lawatan terakhir kami di hari pertama, diteruskan ke syarikat Kombucha di Bandar Muadzam Shah yang mengeluarkan produk Teh Kombucha. Syarikat ini diusahakan oleh En. Abdul Hadi.

Kombucha adalah sejenis minuman berdasarkan buah-buahan yang melalui proses fermentasi. Produk ini mampu bertahan selama dua tahun.

FAMA bercadang membuat pemadaman perniagaan antara syarikat ini dengan Malaysia Technology Development Corporation (MTDC) bagi mendapatkan mesin perahan buah untuk buah-buahan bermusim seperti duku dan dokong untuk dijadikan jus. Melalui program ini secara tidak langsung buah-buahan tempatan dapat dikomersilkan.



Bergambar dihadapan bengkel pemprosesan jus Kombucha



Perbincangan bersama En Abdul Hadi mengenai operasi syarikat



Penerangan mengenai proses fermentasi produk jus Kombucha

Pasaraya Big Box bagi mempromosikan produk agro makanan keluaran usahawan Pahang di Singapura.

Lain-lain program ekspo yang dijadualkan berlangsung di Singapura ialah Mega Raya Sales dan Malaysia Fest.

PENGELUAR PRODUK ACAR, SAMBAL & SOS



Bersama Pn Zati di hadapan premis belau



Pn Zati menerangkan mengenai operasi syarikat



Produk yang telah siap sediakan untuk dipasarkan

K-SHOPPE PEKAN PRIME

Seterusnya, pada tarikh 13 April 2017, kami membuat lawatan ke premis K-Shoppe Pekan Prime yang diusahakan Puan Thuraya Abdul Razak dari syarikat Pribumi Trading. Lawatan yang turut disertai Pengarah FAMA Negeri (PFN) Johor Tn Hj Zainal Abidin Yang Razali, memberi peluang kepada kami melihat sendiri produk berpotensi masuk ke Agrobazaar Malaysia Singapura dan Pasaraya Big Box.



Bersama pemilik K-Shoppe Pekan Prime Puan Suhanie dari syarikat Pribumi Trading



K-Shoppe Pekan Prime di Serambi Pekan, Pahang



Antara produk yang dijual di K-Shoppe Pekan Prime

Kami kemudiannya mengunjungi syarikat Zati D'Hati yang dimiliki Puan Amarszati Noor Rahim, pengeluar produk acar, sambal dan sos. Syarikat ini mula ditubuhkan pada tahun 2011. Pada tahun 2013 berlaku banjir besar yang telah merosakkan keseluruhan premis.

Pn Zati mula mengeluarkan produk acar ikan talang dan kurau bermodalkan RM10,000. Sambal Hitam merupakan produk juara syarikat di mana dari masa ke semasa, kapasiti pengeluaran produk mencecah sebanyak 500 botol sehari.

Produk keluaran Zati D'Hati juga telah pun berjaya melepas saringan untuk kemasukan produk ke pasaran Singapura.

PENGELUAR PRODUK SEJUK BEKU



Puan Thuraya memberikan taklimat mengenai operasi syarikat

Syarikat Pribumi Trading yang dimiliki Puan Thuraya Abdul Razak, merupakan pengeluar produk makanan sejuk beku seperti Tembosa Ikan, Tembosa Raja, karipap dan cucur badak. • →

Perbincangan telah diadakan antara PFN Johor bersama Unit IAT dan Unit Pasaran Antarabangsa Pahang, mengenai program di Singapura. Program Pahang Month telah diadakan bermula pada 1 Mei hingga 31 Mei 2017 di

CATATAN PERJALANAN

Dengan menggunakan jenama Suehanis, syarikat ini telah memasarkan produk sehingga ke Singapura. Agensi seperti SIRIM telah meluluskan bantuan mesin automatik sepenuhnya kepada syarikat ini.

Tidak hanya memasarkan produk keluaran sendiri, Syarikat Pribumi Trading juga merupakan syarikat *anchor* yang mengumpul dan memasarkan produk usahawan di bawah jenama Pekan Prime.



Bengkel Pemrosesan



Ruang pemrosesan baru bertempat di Kuala Babang

Syarikat ini mengeluarkan biskut buatan tangan bagi menjamin kualiti produk yang dihasilkan. Tempahan kek dan biskut juga dibuat mengikut permintaan pelanggan. Di samping itu, Intan's Oven turut membantu menjual produk-produk usahawan IAT yang lain di premis ini.



Antara produk jenama Intan's Oven yang dijual di kedai

AROMA KEK & ROTI

Harum bau roti yang sedang dibakar menyambut kehadiran kami ke kedai Kek dan Roti Khatijah, yang terletak di Bengkel Industri Asas Tani Pekan, Pahang. Syarikat kepunyaan En Mohd Azman Alias dan Khatijah Abdul Raffar ini mengeluarkan produk Biskut Durian dan Biskut Halia di bawah jenama Ajijah.

Produk biskut Halia ternyata mendapat permintaan dari negara China. Bantuan pembungkusan telah diterima daripada Bahagian IAT FAMA untuk produk Biskut Halia tersebut.

Bahagian Pasaran Antarabangsa turut merancang membuat pembungkusan khas bagi produk Biskut Halia untuk pasaran ke Negara China.



Bergambar bersama pemilik syarikat dihadapan bengkel beliau



Mendengar taklimat mengenai operasi syarikat



Antara mesin yang digunakan untuk pemprosesan



Bersama Pn Intan di premis beliau

AKHIRI LAWATAN KE PREMIS PJ FOOD INDUSTRIES

Bagi menutup acara lawatan, rombongan kami turut berkunjung ke premis syarikat PJ Food Industries Sdn Bhd yang mengeluarkan pelbagai jenis produk berupakan rempah masakan seperti Rempah Kerutub, Rempah Kari Ayam dan Rempah Pajeri Nanas di bawah jenama Putri Ayu. Syarikat milik Puan Norehan Nor ini mula menjalankan perniagaan pada tahun 1995 dan berpindah ke kilang baru pada tahun 2000.

Produk jenama Putri Ayu ini telah berjaya dieksport secara konsisten ke Brunei. Apa yang membanggakan, banyak syarikat swasta mendapat khidmat PJ Food bagi mengeluarkan produk OEM menggunakan jenama masing-masing. ■



Bergambar bersama pemilik dihadapan



A person wearing a red dress and a purple sash stands in front of a pink counter.



PENGELUAR BISKUT BUATAN TANGAN

Rombongan kami turut singgah ke premis syarikat Glocal One Stop Enterprise yang terletak di Kuantan. Syarikat ini dimiliki Puan Intan Baizura Shuib dengan jenama Intan's Oven. Kedai bakeri berkonsep Kafé ini merupakan kedai bakeri pertama di Kuantan menerima persijilan Halal.

Usahawan Bersatu Membangun Di Bawah Jenama Pekan Prime

Idea penubuhan Pekan Prime dicadangkan dalam Mesyuarat Majlis Pembangunan Pertanian Parliment (Pekan) yang dipengerusi YB. Dato' Abu Bakar Haji Harun merangkap ADUN Chini. Penubuhan Pekan Prime merupakan satu usaha dalam menyokong Pelan Pembangunan Ekonomi Bumiputera yang disarankan YAB Perdana Menteri Malaysia, Dato' Seri Najib Tun Abdul Razak.

Misi projek ini bertujuan menyatukan usahawan di Parliment Pekan di bawah satu jenama iaitu Pekan Prime, mencipta identiti atau ikon baru bagi usahawan di daerah Pekan dan mengenal pasti usahawan berpotensi untuk dibangunkan ke tahap eksport di samping dapat bersaing dengan pelbagai produk lain di pasaran.



Pelancaran Pekan Prime oleh Perdana Menteri



Food festival, Pekan Prime di Kuantan Parade 27 – 30 Okt 2016



Halal Food, Singapura 16-19 Mac 2017

Kejayaan yang dicapai Pekan Prime ini, dijangka dapat membantu usahawan melebarkan sayap lebih luas lagi bukan setakat di dalam negara bahkan di persada antarabangsa. Selain itu dapat meningkatkan lagi pendapatan usahawan seiring dengan peningkatan taraf ekonomi dan memberi peluang kerja kepada penduduk sekitar Parliment Pekan. ■



Antara produk yang telah dibantu pembungkusannya



Sebelum

Selaras

Pekan Prime menawarkan pelbagai jenis bantuan seperti penambahbaikan pembungkusan, memberi khidmat nasihat pemasaran, menyediakan ruang pemasaran (Karnival Ekspos seperti MAHA 2016 , Food Fest di Kuantan Parade, Halal Food Singapura) dan mengaturkan Pasaran dengan Pasaraya Tempatan seperti Pasaraya Darul Makmur, Outlet Agrobazaar KLIA 2. Setakat ini Pekan Prime telah mempunyai seramai 17 orang usahawan dengan 45 jenis SKU.



Program Pekan Prime bantu usahawan Bumiputera



Cabaran Memasak Menjadi Mudah Menggunakan Perencah Mycuisine Qube

Bayangkan bagaimana jika anda diberi cabaran memasak sepuluh jenis masakan dalam masa setengah jam? Mustahil kan? Nak menghiris bawang, menumbuk cili dan banyak lagi proses penyediaan perencah sahaja sudah mengambil masa yang lama.

Kini dengan Kiub Masakan MyCuisine, kita sudah tidak mempunyai alasan untuk tidak memasak. Sebabnya, ramuan kiub masakan ini sudah dilengkapi ramuan asas yang diperlukan bagi memasak satu-satu jenis masakan dengan pantas. Ia hanya perlu ditumis dengan minyak dan dicampur air lalu dimasak tanpa perlu menyediakan ramuan secara manual.

Produk lain daripada yang lain keluaran MCQ Sdn. Bhd. mempunyai sepuluh jenis kiub masakan yang terdiri daripada Kiub Asam Pedas, Kiub Kari Ayam & Daging, Kiub Kari Ikan, Kiub Masak Lemak Cili Padi, Kiub Rendang Tok Bak, Kiub Sambal Belacan, Kiub Sedap Rasa Ikan Bilis, Kiub Sedap Rasa Udang, Kiub Sup Aneka dan Kiub Tom Yam. Kesemua produk ini memiliki sijil Halal JAKIM.

Kelebihan MyCuisine Qube selain lengkap dan lazat ramuannya, juga terletak kepada rupa yang moden, iaitu berbentuk kiub sehingga menjadikannya 'mesra pengguna'. Kiub masakan ini mudah dibawa ke mana-mana seperti melancang ke luar negara dan turut digemari pelanggan yang gemar membeli belah di pasaraya hiper.

Menurut Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan MCQ (CEO), Encik Ahyaludin Ab Wahab, selain produk sedia ada di pasaran terdapat 20 lagi produk kiub yang sedang dalam proses R & D dan persijilan Halal.

Produk MyCuisine Qube telah dihasilkan semenjak tahun 2015 dengan menggunakan teknologi mesin pengeringan yang dicipta sendiri. Setakat ini lebih daripada 760 juta ketul kiub telah dihasilkan bagi memenuhi permintaan pasaran. Produk ini juga turut di eksport ke pasaran luar negara seperti Brunei, Singapura dan Turki. Di bawah inisiatif FAMA, produk MyCuisine Qube kini telah menjadi salah satu produk Muslim yang berada dalam senarai Tabung Haji Global, untuk kegunaan memasak masakan bagi jemaah haji pada musim akan datang. ■



Rempah Premix Penyelamat Tukang Masak Industri



Bukan calang-calang orang yang boleh menjadi tukang masak handalan sehingga mampu memasak makanan untuk ribuan tetamu dalam satu-satu masa.

Menyedari pentingnya keperluan dalam membantu tugas memasak secara komersial dalam industri makanan, Perniagaan Wafada Sdn. Bhd. telah memperkenalkan

rempah premix lengkap pelbagai jenis masakan berjenama Complete Spice, yang mampu menampung keperluan memasak dalam jumlah yang besar termasuk di hotel, restoran dan majlis keramaian.

Pengarah Pemasaran Wafada, Encik Fidzwan Md Deris, berkata sebagai syarikat yang terlibat dalam industri masakan menerusi rangkaian kafe sendiri, pihaknya memahami masalah yang dialami usahawan di bidang masakan dan berhasrat membantu mereka melalui produk rempah premix yang berkualiti ini.

"Setakat ini kami sudah mengeluarkan 35 jenis rempah premix masakan termasuk rendang, masak kicap, gulai kawah dan kari ikan, yang kebanyakannya di eksport ke luar negara terutama ke Brunei, Singapura, Jepun dan Dubai," kata Fidzwan.

Kejayaan rempah premix Complete Spice, yang mula dihasilkan tahun lalu ialah apabila ia mendapat tempahan dari Istana Brunei sehingga mencecah pengeluaran sebanyak 1.5 tan.

Dengan usaha pihak FAMA, jenama rempah premix Complete Spice telah terpilih sebagai salah satu produk yang tersenarai di bawah Tabung Haji Kitchen 2017, untuk kegunaan memasak masakan bagi jemaah haji tahun ini. ■

Jerih Perih Berjinak Dengan Tanah Akhirnya Bergelar Usahawan Tani Berjaya



Kejayaan yang dikecapi hari ini tidak semudah memetik jari. Pelbagai cabaran dan dugaan yang telah dilalui. Tanaman yang diusahakan Encik Azmi Abu pernah ditenggelami air ketika banjir melanda. Pokok jagung yang ditanam juga pernah rosak dipukul angin kuat dan diserang haiwan perosak seperti tikus. Azmi juga pernah ditipu orang tengah yang mengaut keuntungan berlipat ganda dengan membayar rendah hasil yang dijual.

Namun semua cabaran itu, satu persatu dihimpun dan dijadikan bahan yang sentiasa menyalaikan semangat beliau untuk terus maju. Bersandarkan falsafah "Kejayaan Bermula Dari Usaha, Rezeki Datang Dari Yang Maha Esa", kini Azmi sudah boleh berbangga dan tersenyum apabila projek kecil-kecilan yang diusahakan di atas sebidang tanah seluas tiga ekar suatu ketika dahulu kini mampu memiliki pelbagai projek pertanian di atas tanah seluas 142 ekar.



Antara projek tanaman yang dijalankan Azmi adalah jagung manis, tanaman bendi, kacang panjang, terung dan betik sekaki. Hasil keluaran utama beliau adalah Pasaran jagung Segar dan membekalkan Produk Hiliran Jagung ke kilang memproses Golden Corn di Melaka. Azmi juga membuat Jualan Runcit Jagung Terus dari Ladang. Istimewanya, produk jagung lerai yang diusahakan beliau mempunyai standard yang menepati kualiti untuk dieksport.

Mengimbang kembali pembabitan Azmi dalam bidang pertanian, beliau mula berjinak dengan tanaman pada tahun 2008 dan mula mendaftar dengan Ladang Kontrak FAMA pada tahun 2009. Beliau membuat projek tanaman jagung di Kg Parit Seberang, Kg Pulau Jelebu, Kg Mertang Seri Menanti & Kg Jumbang Seri Menanti Kuala Pilah. Jenis varieti jagung yang ditanam ialah Jagung 316 & 351.

Selain kejayaan yang dimiliki, Azmi juga tidak lokek mencurah bakti kepada masyarakat dengan memajukan tanah yang terbiar di Negeri Sembilan. Malah beliau turut dijadikan sebagai Mentor kepada generasi muda yang ingin menceburkan diri ke dalam pertanian. ■

2.5 juta tongkol jagung untuk MAHA 2016


Oleh DIANA AZIS
pengarang@rutan.com.my

■ KUALA PILAH 29 NOV.

S EBAKU 2.5 juta tongkol jagung varieti 316 akan dibekalkan ke pasaran ini. Ahma kali ini memperkenalkan sebagaimana tarihan siri dan Pelancaran Agro Antarabangsa (MAHA) 2016

Yang turut hadir Ketua Pengarah Operasi UPMKA FA Razali Ab. Mat dan FAMA neptu Muslim. Menurut Ahma kali ini memperkenalkan sebagaimana tarihan siri dan Pelancaran Agro Antarabangsa (MAHA) 2016

ANGGARAN PENGETAHUAN BUAH-BUAH BERMUSIM DI SEMENANJUNG MALAYSIA BAGI SEPAPUH TAHUN KEDUA 2017



Jom Kunjungi MALAYSIA FEST 2017 DI EXPO HALL CHANGI, SINGAPURA

Program Malaysia Fest 2017 anjuran MegaXpress International Pte Ltd merupakan kesinambungan program M3F (Malaysian Food & Fruits Fiesta) yang disertai FAMA selama 10 tahun berturut-turut.

Menumpukan kepada kepelbagaiannya aspek dan sektor berbeza seperti pelancongan, kraftangan, perkhidmatan, makanan, buah-buahan, produk Industri Asas Tani (IAT), kebudayaan, kesihatan/kecantikan dan juga gaya hidup.

Program berlangsung pada:

Tarikh : 10 hingga 13 Ogos 2017 (Khamis - Ahad)

Masa : 10 pagi hingga 10 malam

Tempat : Hall 64 & 6B, Singapore Expo, Changi, Singapura

Jangkaan Pengunjung : 50 hingga 60 ribu orang

Peluang menyertai Program Malaysia Fest kali ini, diharap para usahawan yang terlibat akan dapat memperkenalkan produk mereka ke pasaran Singapura dan seterusnya dapat meluaskan pasaran sedia ada ke peringkat lebih tinggi.



JOM'LIKE



www.facebook.com/Bahagian-Pasaran-Antarabangsa-FAMA-143378016068536

IMBAS KOD DIATAS UNTUK TERUS KE LAMAN FACEBOOK KAMI.

